

PENYEDIAAN AKSESIBILITI ORANG KURANG UPAYA DI LAPANGAN
TERBANG

LEE HAN WEI

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MAY, 2008

ABSTRAK

Orang kurang upaya (OKU) mendakwa *Air Asia* gagal dalam menunaikan tanggungjawab dan kewajipan mereka untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan tanpa sebarang diskriminasi dan penghinaan terhadap OKU. OKU harus mempunyai hak yang sama untuk menikmati kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan dalam menjalankan tugas harian seperti yang dinikmati oleh rakyat biasa di negara ini. Sehubungan itu, adalah penting untuk mewujudkan persekitaran yang bebas halangan kepada golongan ini. Memandangkan kemudahan aksesibiliti bagi OKU ini suatu keperluan, maka adalah penting bagi kemudahan yang disediakan boleh diakses oleh pengguna OKU di lapangan terbang. Oleh yang demikian, penyelidikan ini dilakukan untuk melihat tahap pematuhan rekabentuk lapangan terbang bagi aksesibiliti OKU berbanding peruntukan sedia ada dan tahap kepuasan pengguna OKU di lapangan terbang terhadap kemudahan aksesibiliti yang disediakan. Oleh itu, penyelidikan ini dilakukan tertumpu kepada enam lapangan terbang yang terpilih di Malaysia yang sering digunakan oleh warga OKU. Kajian ini meliputi elemen-elemen aksesibiliti yang tertakluk dalam peruntukan Piawaian Malaysia MS 1184:2002, MS 1331:2003 dan *United Nation*. Hasil daripada pemerhatian dan soal selidik yang telah dilakukan, didapati kemudahan aksesibiliti OKU telah disediakan di lapangan terbang tetapi terdapat beberapa elemen kecil yang masih lagi tidak mengikut piawaian. Manakala dari perspektif pengguna OKU, kemudahan yang disediakan di lapangan terbang adalah pada tahap memuaskan secara keseluruhannya tetapi masih terdapat kekurangan yang boleh diperbaiki untuk mencapai konsep persekitaran bebas halangan.

ABSTRACT

Disabled Person claims that Air Asia has failed in its responsibility and obligation to provide facilities and services without discrimination and vilification of its passengers. Disabled Person should have equal rights as others to fully utilised all the facilities provided by the government in their daily life. So, it is important for the government to provide a barrier free environment for them. Due to the needs of these facilities, it is important that the facilities are accessible to the disabled users in airport. Therefore, this research aims to evaluate the compliance level of design and construction of disabled facilities according to requirement in Malaysia Standard and United Nation and satisfaction level of disable users in airport to the accessibility provided. This study focused on the six airports in Malaysia that are frequently used by disabled. This research covers the accessibility elements based on Malaysia Standard MS 1184:2002, MS 1331:2003 and United Nation. From the observations and questionnaires, it can be conclude that basically all the airports in Malaysia provided the necessary disabled facilities, but there were a few elements do not comply with the standard. From the user's perspective, disabled facilities provided in airport reach satisfaction level but it still need some improvement to achieve barrier free environment.